

PLAGIARISME MENURUT PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM DAN AKTA HAKCIPTA 1987

Haliza A. Shukor (Ph.D), Hasnizam Hashim(Ph.D) & Intan Nadia Ghulam Khan (Ph.D)

hliza@usim.edu.my, hasnizam@usim.edu.my, intan@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

ABSTRAK

Plagiarisme atau penjiplakan merupakan perlakuan seseorang yang mengambil hasil kerja orang lain dan mendakwa bahawa hasil kerja tersebut adalah kepunyaannya tanpa memberikan penghargaan kepada pemilik karya. Menurut kajian lepas, plagiarisme merupakan satu bentuk pelanggaran karya hak cipta orang lain berdasarkan undang-undang hak cipta. Berdasarkan Perundangan Islam, perbuatan memplagiat atau mengambil hasil kerja orang lain tanpa kebenaran dan penghargaan yang sepatutnya kepada pemilik karya asal adalah merupakan suatu bentuk pelanggaran hak terhadap individu lain dan merupakan suatu tindakan yang tidak beretika dan sudah semestinya amat ditegah oleh Islam. Perbuatan sedemikian juga adalah merupakan suatu bentuk 'sariqah' dan telah dibincangkan oleh fuqahak undang-undang Jenayah Islam. Oleh itu, kertas kerja yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan membincangkan dan mengenal pasti peruntukan berkaitan plagiarisme daripada perspektif Perundangan Islam dan Akta Hakcipta 1987 di Malaysia. Kajian mendapati bahawa perbuatan memplagiat hasil kerja individu lain adalah merupakan suatu bentuk jenayah dalam Perundangan Islam berdasarkan otoriti nas-nas syarak dan perbuatan sedemikian boleh dihukum dengan hukuman tertentu manakala menurut Akta Hakcipta 1987, plagiarisme ialah satu bentuk pelanggaran hak pemilik karya dan boleh dikenakan hukuman sivil atau jenayah.

Kata kunci: plagiarisme, Perundangan Islam, Akta Hakcipta 1987, harta intelek, Malaysia.

1. Pendahuluan

Perkataan plagiat berasal usul dari perkataan latin '*plagiarius*' dan '*plagium*' yang membawa maksud 'penculikan'. Perbuatan plagiat ialah mencedok idea dan sebagainya dari orang lain orang lain dan menggunakannya sebagai karya sendiri (Kamus Dewan, 2005) manakala menurut Kamus Oxford (2010) plagiat diertikan sebagai menyalin idea, perkataan atau kerja orang lain dan mengaku bahawa idea, perkataan dan kerja tersebut milik sendiri.

Perbuatan plagiat boleh berlaku di kalangan pelajar mahupun di kalangan orang perseorangan ataupun golongan profesional. Plagiat di kalangan pelajar seringkali berlaku apabila tugas bertulis ataupun lisan diberikan oleh pensyarah. Bagi orang perseorangan

ataupun golongan profesional, plagiat berlaku dalam bentuk karya penulisan seperti penulisan buku, skrip drama, artikel ilmiah ataupun teks ucapan (David A. Thomas, 2004).

Plagiat tidak hanya terhad pada bahan penulisan atau karya yang diperolehi secara fizikal, malahan ia turut berlaku terhadap karya penulisan digital yang diperolehi melalui siber seperti, buku atau grafik versi elektronik, video, audio, *e-mail*, laman web dan apa-apa jua pangkalan data elektronik (Lehobye, 2010).

Dalam kes *Abu Hassan bin Hasbullah v Zukeri bin Ibrahim* [2018] 6 MLJ 396, tumpuan hakim perbicaraan antara lain adalah kepada plagiarisme, berkaitan rujukan plaintif untuk bahan-bahan daripada sebuah universiti yang tidak wujud dikenali sebagai Universiti Manggis dalam tesis. Mahkamah Tinggi sebelum ini mendapati bahawa isu plagiarisme tesis doktor falsafah plaintif, iaitu Ketua Pensyarah dan Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan telah dibuktikan.

2. Jenis-jenis Plagiarisme

Dalam kes *Fauzilah Salleh v. Universiti Malaysia Terengganu* [2012], Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu telah menyatakan bahawa terdapat pelbagai bentuk plagiat dengan merujuk pada beberapa universiti luar negara seperti *Oxford University*, *University of Cambridge* dan *Yale University*. Menurut mahkamah, *Oxford University* menyenaraikan perbuatan berikut sebagai plagiat:

(i) *verbatim quotation without clear acknowledgement*,

(ii) *paraphrasing the work of others by altering a few words and changing their order or by closely following the structure of their argument*,

(iii) *collusion* (iv) *inaccurate citation*; and

(v) *failure to acknowledge*.

Rujukan terhadap isu plagiat juga telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Terengganu terhadap *University of Cambridge* dan mahkamah mengatakan bahawa, contoh perlakuan yang dianggap plagiat di *University of Cambridge* ialah termasuk:

Copying, quoting verbatim another person's work without due acknowledgement of the source, paraphrasing another person's work by changing some of the words, or the order of the words, without due acknowledgement of the source; using ideas taken from someone else without reference to the originator, submitting someone

else's work as part of a candidate's own without identifying clearly who did the work..."

Selain itu, Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu turut menyatakan bahawa di *Yale University*, penipuan semasa peperiksaan dianggap sebagai plagiat. Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan di atas, jelas dapat dilihat bahawa kegagalan menyertakan perakuan penciptaan terhadap penulis asal karya akan menyebabkan plagiat seperti yang dirujuk oleh mahkamah di *Oxford University* dan *University of Cambridge*.

3. Plagiarisme menurut perspektif Islam

3.1 Maksud plagiarisme

Sekiranya ditinjau tentang pemikiran bagi memelihara atau menjaga idea-idea yang dizahirkan dalam bentuk bahan, maka ia sebenarnya bukanlah merupakan sesuatu yang baru dalam perundangan Islam atau Fiqh Islam. Antara ulamak-ulamak terdahulu yang telah membahaskan tentang permasalahan ini ialah al-Imam al-Qarafi di dalam *Kitab al-Furuq*, al-Imam Jalal al-Din al-Suyuti di dalam karangannya bertajuk *al-Fariq bayna al-Musannif wa al-Sariq* (Arieff Salleh Rosman, 2002).

Secara tuntasnya, Perundangan Islam amat mengiktiraf hak milik peribadi dan menghargai pemiliknya, selama mana harta itu diperoleh itu dengan cara yang dibenarkan oleh Syarak. Perundangan Islam pada masa yang sama memberi amaran keras dengan menjanjikan azab yang pedih kepada sesiapa juga yang menzalimi hak orang lain.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa', ayat 29-30:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ۚ ۲۹ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ عُدْوَانًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصَلِّيهِ نَارًا ۚ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ۚ ۳۰

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. dan janganlah kamu membunuh dirimu; Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu. (29) Dan barangsiapa berbuat demikian dengan melanggar hak dan aniaya, Maka kami kelak akan memasukkannya ke dalam neraka. yang demikian itu adalah mudah bagi Allah (30)".

Berdasarkan perundangan Islam, semua perkara atau benda yang mempunyai manfaat serta nilai dan menepati kehendak syarak, maka ia adalah harta. Harta Intelektual mempunyai manfaat yang besar dan nilai yang tinggi pada masa kini. Menurut Perundangan Islam, harta intelektual adalah harta. Ia dikategorikan sebagai harta yang tidak berjasad (*ma'nawi*) iaitu menurut istilah fuqahak sebagai manfaah. Oleh yang demikian, harta intelektual adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan berkaitan harta dalam undang-undang ciptaan manusia dan tertakluk kepada hukum syarak tentang harta dalam fiqh Islam (Arieff Salleh Rosman, 2002).

3.2 Hak Pemilikan Menurut Perundangan Islam

Para Fuqahak mendefinisikan hak milik sebagai 'kekuasaan ke atas sesuatu dan kekuasaan untuk menggunakannya atau memanfaatkannya sesuai dengan keinginannya, dan membuat orang lain tidak berhak atas benda tersebut kecuali dengan alasan Syara' (Arieff Salleh Rosman, 2002).

Larangan mencuri hasil kerja orang lain atau plagiarisme adalah bertepatan dengan *Maqasid* atau objektif Syariah itu sendiri bagi tujuan memelihara Akal (*Hifz al-'Aql*) dan Harta (*Hifz al-Mal*). Dalam konteks memelihara Akal, Perundangan Islam dengan jelas memberi pengiktirafan secara individu kepada sesiapa yang menghasilkan sesuatu idea, penemuan atau ilmu yang bermanfaat untuk umat.

Sabda Nabi SAW di dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang maksudnya: "*Apabila mati seseorang anak Adam maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya*".

Dalam sebuah Hadith lain yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, Nabi SAW bersabda yang maksudnya: "*Barangsiapa yang mengajak kepada kebaikan, maka akan diberikan kepadanya pahala sama seperti pahala orang-orang yang melaksanakannya tanpa dikurangi sedikitpun daripada pahala-pahala tersebut. Dan barangsiapa yang mengajak kepada kejahatan, maka ke atasnya dosa sama seperti dosa orang-orang yang mengikutnya serta tidak dikurangi sedikitpun daripada dosa-dosa tersebut*".

Dari sudut ekonomi, mengambil harta orang lain tanpa izin boleh menyebabkan kerugian terhadap individu, masyarakat dan negara. Pada masa yang sama ianya juga adalah merupakan suatu perbuatan tidak bermoral. Justeru, perbuatan sebegini adalah ditegah dan diharamkan oleh Syara'. Firman Allah SWT dalam Surah al- al-Nisa', ayat 29-30 yang maksudnya: "*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan*

suka sama-suka di antara kamu. dan janganlah kamu membunuh dirimu; Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu. (29) Dan barangsiapa berbuat demikian dengan melanggar hak dan aniaya, Maka kami kelak akan memasukkannya ke dalam neraka. yang demikian itu adalah mudah bagi Allah (30) ”

Firman Allah SWT lagi dalam Surah al- ‘Araf, ayat 33, yang maksudnya: *“Katakanlah: ”Tuhanku Hanya mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak ataupun yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, (mengharamkan) mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujjah untuk itu dan (mengharamkan) mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui”.*

Dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi, Nabi SAW bersabda yang maksudnya: *“Sesiapa membeli barangan curi dan dia mengetahui bahawa ia adalah barang curi, maka dia telah berkongsi di dalam keaibannya dan dosanya”.*

Manakala di dalam sebuah hadith yang lain pula yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Nabi SAW bersabda yang maksudnya: *” Setiap Muslim ke atas Muslim yang lain diharamkan (daripada mencabuli) nyawanya, hartanya dan maruahnyanya”.*

Baerdasarkan nas-nas di atas, jelas dapat difahami bahawa plagiarisme atau pengambilan harta intelek tanpa izin adalah merupakan suatu bentuk jenayah *sariqah* dan ianya diharamkan oleh Allah SWT. Perlakuan sedemikian tidak akan mendapat pahala di sisi Allah SWT walaupun ianya digunakan untuk tujuan kebaikan. Nabi SAW juga pernah bersabda di dalam sebuah hadith yang maksudnya: *“Barangsiapa yang mengumpul harta dengan cara yang diharamkan oleh Syarak, kemudian digunakan hartanya itu untuk tujuan kebajikan, maka tidaklah ia beroleh pahala daripada Allah SWT, bahkan ia tetap akan mendapat siksaan”.* Berdasarkan kefahaman terhadap nas-nas di atas juga, adalah diharamkan untuk membeli barangan hasil curian. Ini kerana, antara syarat sah jual beli selain daripada mendapat keizinan penjual, barang yang hendak dijual mestilah dimiliki sepenuhnya oleh penjual. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 2 yang maksudnya: *‘...dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. dan bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya’.* Firman Allah SWT lagi dalam Surah al-Nisa’, ayat 29, maksudnya: *“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu...”.*

3.3 Hukuman berkaitan Plagiarisme berdasarkan Undang-Undang Jenayah Islam

Sabda Rasulullah SAW di dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

كل المسلم على المسلم حرام دمه وماله وعرضه

Maksudnya:

Setiap Muslim ke atas Muslim yang lain diharamkan (daripada mencabuli) nyawanya, hartanya dan maruahnyanya.

Berdasarkan nas-nas yang telah dibincangkan sebelum ini, pencabulan ke atas hak orang lain adalah merupakan suatu bentuk penindasan dan kezaliman dan ianya diharamkan oleh Allah SWT. Di samping itu, melakukan transaksi atau muamalah dengan barang-barang yang di 'curi' daripada pemilik asalnya adalah juga diharamkan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, hukum melakukan transaksi, samaada jual beli, sewaan dan sebagainya dengan mencuri 'harta' orang lain tanpa kebenarannya adalah merupakan sesuatu yang haram di dalam Islam. Sekiranya pemunya asal membuat aduan jenayah dan berjaya dibuktikan kebenarannya, maka pencuri tersebut boleh dikenakan hukuman oleh pihak pemerintah berdasarkan hukuman jenayah Islam. Paling tidakpun, pesalah tersebut boleh dikenakan hukuman berbentuk takzir dengan kadar hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan jenayahnya. Pada asalnya, hukuman hudud boleh dikenakan ke atas pencuri harta intelektual. Ini kerana 'pencuri' tersebut telah mencuri harta daripada pemilik sebenarnya. Walaubagaimanapun, oleh kerana terdapat shubhah yang menghalang pelaksanaan hukuman hudud tersebut iaitu wujudnya perbezaan pandangan fuqahak dalam menetapkan sifat kehartaan bagi harta intelektual, maka hukuman yang dikenakan adalah hukuman takzir.

Sabda Rasulullah SAW di dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Baihaqi:

من اشترى سرقة وهو يعلم أنها سرقة فقد اشترك في عارها واثمها

Maksudnya: Sesiapa yang membeli barang curi, dan dia mengetahui bahawa barang yang dibelinya adalah merupakan barang curi, maka dia telah berkongsi di dalam keaiban dan dosanya.

4. Plagiarisme menurut Akta Hakcipta 1987

Di Malaysia, Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) merupakan undang-undang yang mengawal selia perkara berkaitan hak cipta di Malaysia. Akta 332 mengandungi 61 peruntukan undang-undang yang terdiri daripada 8 bahagian.

Bahagian I Akta 332 menerangkan tentang tajuk akta, pemakaian, tafsiran terma yang digunapakai dalam Akta 332 termasuklah istilah penerbitan, pengawal, timbalan pengawal dan penolong pengawal. Bahagian II Akta Hak Cipta 1987 memfokus pada syarat-syarat

yang perlu dipenuhi bagi tujuan mendapatkan perlindungan undang-undang sesuatu karya. Bahagian III Akta yang sama menerangkan antaranya perkara berkaitan hak yang diperolehi oleh seorang pencipta karya dan takat masa perlindungan undang-undang yang diberikan terhadap sesuatu karya. Bahagian IV Akta yang sama terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian IV dan Bahagian IVA. Bahagian IV membincangkan tentang perkara berkaitan pemunyaan dan penyerahhakan hak cipta manakala Bahagian IVA membuat perincian tentang perkara yang bersangkutan dengan pelesenan hak cipta. Bahagian V Akta 332 pula berkaitan dengan tribunal hak cipta yang mengandungi peruntukan berkaitan penubuhan tribunal hak cipta, anggota tribunal dan prosedur yang perlu dipatuhi bagi tujuan prosiding di hadapan tribunal.

Seperti Bahagian IV Akta 332, Bahagian VI Akta 332 juga mengandungi sub-bahagian yang terdiri daripada Bahagian VI, Bahagian VIA, dan Bahagian VIB. Bahagian VI memperincikan tentang remedi pelanggaran dan kesalahan seperti senarai perbuatan yang dianggap sebagai pelanggaran dan kesalahan di bawah Akta 332 berserta hukuman yang akan dikenakan samada dalam bentuk hukuman sivil atau jenayah yang akan dikenakan. Bahagian VIA hanya mengandungi satu peruntukan berkaitan antirakaman kamera manakala Bahagian VIB mengandungi beberapa peruntukan tentang pengehadan tanggungan pemberi perkhidmatan. Bahagian VII Akta 332 pula mengandungi peruntukan berkaitan penguatkuasaan manakala Bahagian VIII terdiri daripada peruntukan pelbagai.

Terma plagiat tidak digunapakai di dalam Akta 332. Namun begitu, terdapat peruntukan di dalam Akta tersebut yang merujuk pada perbuatan plagiat yang dianggap sebagai satu kesalahan di dalam Akta Hak Cipta 1987.

Menurut seksyen 25(2) Akta Hak Cipta 1987, pencipta karya mempunyai hak moral terhadap sesuatu karya dan tidak ada sesiapa pun boleh menyampaikan karya tersebut tanpa mengenal pasti pencipta karya tersebut atau tanpa persetujuan pencipta karya. Selain itu, pengubahsuaian sesuatu karya dengan jelas atau pengubahsuaian karya yang memudaratkan reputasi pencipta karya juga tidak dibenarkan di bawah seksyen yang sama.

Berdasarkan pada seksyen 25(2) tersebut di atas, perbuatan yang berikut adalah dilarang iaitu; (i) penyampaian karya tanpa mengenal pasti pencipta karya tersebut atau tanpa persetujuan pencipta karya; (ii) mengubahsuai sesuatu karya dengan jelas atau mengubahsuai karya yang memudaratkan reputasi pencipta karya. Sekiranya seseorang di dapati melakukan perkara yang terkandung di dalam peruntukan tersebut tanpa persetujuan pencipta karya, maka tindakan undang-undang boleh diambil oleh pencipta (seksyen 25(5) Akta 332).

Jika merujuk pada kes *Fauzilah Salleh v. Universiti Malaysia Terengganu* [2012] yang mana mahkamah menyatakan "failure to acknowledge" sebagai salah satu bentuk plagiat, jelas menunjukkan bahawa seksyen 25(2) Akta 332 secara tidak langsung merujuk pada perlakuan plagiat apabila ia melarang perbuatan "penyampaian karya tanpa mengenal pasti pencipta karya tersebut." Menurut mahkamah lagi, plaintif telah gagal meletakkan sumber rujukan di helaian yang berkaitan dalam bentuk nota kaki walaupun penciptaan terhadap penulis asal telah dibuat oleh plaintif di helaian pengenalan muka hadapan tesis plaintif.

Selain daripada hak moral, pencipta karya juga mempunyai hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang melalui seksyen 13. Menurut seksyen 13(1) Akta 332, hak cipta bagi karya sastera, muzik atau seni, filem, rakaman bunyi atau karya terbitan adalah hak eksklusif pencipta karya dan pencipta karya mempunyai hak untuk mengawal dalam Malaysia pengeluaran semula karya tersebut di atas dalam apa-apa bentuk bahan, penyampaian kepada orang awam, pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam, mengedarkan salinan kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain dan penyewaan secara komersil kepada orang awam keseluruhan atau sebahagian besar karya tersebut.

Namun begitu, hak eksklusif pencipta karya tidak termasuk hak untuk mengawal perbuatan dalam seksyen 13(1) di atas secara urusan wajar ataupun 'fair dealing' yang bertujuan penyelidikan, pengajian persendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan berita atau peristiwa semasa dengan syarat terdapat perakuan tajuk karya dan penciptaannya. (Seksyen 13(2)(a)). Dalam menentukan sama ada sesuatu perbuatan dalam seksyen 13(2)(a) ialah urusan wajar ataupun 'fair dealing', beberapa faktor akan diambil kira seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 13(2A) iaitu:

- (a) maksud dan sifat urusan itu, termasuk sama ada urusan itu bersifat komersial atau bagi maksud pendidikan yang bukan mencari keuntungan;
- (b) sifat karya yang mendapat hak cipta itu;
- (c) amaun dan banyaknya bahagian yang digunakan berhubungan dengan karya yang mendapat hak cipta itu secara keseluruhan; dan
- (d) kesan daripada urusan itu terhadap potensi pasaran bagi atau nilai karya yang mendapat hak cipta itu.

Oleh yang demikian, sekiranya seseorang melakukan perbuatan pengeluaran semula karya dalam seksyen 13(1) Akta 332 dalam apa-apa bentuk bahan, penyampaian kepada orang awam, pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam, mengedarkan salinan kepada

orang awam melalui penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain dan penyewaan secara komersil kepada orang awam keseluruhan atau sebahagian besar karya tersebut, maka seseorang tersebut perlu menunjukkan bahawa perlakuan tersebut tergolong dalam urusan wajar ataupun *'fair dealing'* iaitu, tujuan penyelidikan, pengajian persendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan berita atau peristiwa semasa dengan disertakan perakuan tajuk karya dan penciptaannya. Penilaian sama ada sesuatu perbuatan itu termasuk dalam urusan wajar atau bergantung pada faktor-faktor yang akan diambil kira dalam seksyen 13(2A). Sekiranya perbuatan yang dilakukan oleh seseorang tidak tergolong dalam urusan wajar atau *'fair dealing'*, maka perbuatan tersebut akan dianggap sebagai pelanggaran hak cipta di bawah seksyen 36(1) Akta 332. Kesan daripada pelanggaran hak cipta boleh menyebabkan seseorang itu didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak lebih daripada RM50,000 atau dipenjara bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Penalti yang dikenakan tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam seksyen 43 Akta 332.

Melalui perbincangan di atas berkaitan seksyen 13(2)(a), jelas menunjukkan bahawa sekiranya seseorang tidak menyertakan perakuan tajuk karya dan penciptaan sesuatu karya terhadap penulis asal, maka ia tidak akan dianggap sebagai urusan wajar atau *'fair dealing'*. Secara tidak langsung, perbuatan tersebut boleh dikategorikan sebagai plagiat kerana plagiat berlaku apabila penciptaan karya terhadap penulis asal tidak dibuat. Kesannya, seseorang boleh dikenakan tindakan undang-undang yang berbentuk sivil dan jenayah seperti yang telah dinyatakan di atas.

5. Kesimpulan

Berdasarkan pada perbincangan di atas, perbuatan plagiat merupakan satu kesalahan di bawah Akta 332 walaupun terma plagiat tidak digunakan secara jelas dalam Akta tersebut. Seseorang yang didapati melakukan plagiat boleh dikenakan hukuman sivil dan jenayah seperti yang telah diperuntukkan dalam Akta 332. Disamping itu, plagiarisme atau pengambilan harta intelek tanpa izin adalah merupakan suatu bentuk jenayah di bawah undang-undang Syariah. Ini berikutan perundangan Islam amat mengiktiraf hak milik peribadi dan menghargai pemilikinya, selama mana harta itu diperolehi dengan cara yang dibenarkan oleh Syarak. Oleh kerana terdapat shubhah yang menghalang pelaksanaan hukuman hudud tersebut iaitu wujudnya perbezaan pandangan fuqahak dalam menetapkan sifat kehartaan bagi harta intelektual, hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah plagiarisme adalah hukuman takzir.

Rujukan

A.S Hornby. 2010. Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English. Eighth Edition. Oxford University Press.

Abu Hassan bin Hasbullah v Zukeri bin Ibrahim [2018] 6 MLJ 396.

Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332).

Arieff Salleh Rosman. 2002. Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

David A. Thomas. 2004. How Educators Can More Effectively Understand and Combat the Plagiarism Epidemic, *Brigham Young University Education and Law Journal* 2:10 (2004), 421-430.

Fauzilah Salleh v. Universiti Malaysia Terengganu [2012] 4 CLJ.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Dawama Sdn Bhd. Selangor: Malaysia.

N. M. Lehobye, Plagiarism: Misconduct Awareness on Novice Research within the Cyberworld, 13 *POTCHEFSTROOM ELEC. L.J.* 494 (2010).